

**UNIVERSITY COLLEGE TATI (UC TATI)****BUKU SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR**

KOD KURSUS	: MPU 2163
KURSUS	: PENGAJIAN MALAYSIA 2
SEMESTER/SESI	: SATU, 2023/2024
JANGKA MASA	: 1 JAM 30 MINIT

Arahan:

1. Buku soalan ini mengandungi 60 soalan objektif.
2. Tandakan jawapan anda dengan jelas pada kertas OMR yang disediakan.
3. Sekiranya ada kemusykilan, sila kemukakan kepada pengawas peperiksaan.

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**BUKU SOALAN INI MENGANDUNGI 19****MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK MUKA SURAT HADAPAN**

KERTAS INI MENGANDUNGI 60 SOALAN (60 markah)

Arahan: Jawab semua soalan berikut pada kertas OMR yang disediakan.

1. Punca utama Brunei menarik diri daripada Gagasan Pembentukan Malaysia kerana faktor _____.
 - A. Kaum
 - B. Bahasa
 - C. Minyak
 - D. Agama

2. Berikut merupakan sebab-sebab Agama Islam mudah diterima oleh masyarakat tempatan semasa kesultanan Melayu Melaka **kecuali**
 - A. Islam mudah difahami
 - B. Masyarakat Melaka ingin menukar agama
 - C. Peranan pemerintah
 - D. Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan

3. Berlaku konfrontasi antara Malaysia dengan dua buah negara selepas pembentukan Persekutuan Malaysia, nyatakan dua negara tersebut :
 - A. Indonesia dan Filipina
 - B. Brunei dan Thailand
 - C. China dan Vietnam
 - D. Singapura dan Kemboja

-
4. Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 adalah berdasarkan _____.
- A. Perlembagaan Malayan Union
 - B. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948
 - C. Perlembagaan Persekutuan 1957
 - D. Laporan Suruhanjaya Cobbold
5. British berminat campur tangan di Tanah Melayu adalah kerana faktor-faktor berikut **kecuali**
- A. Politik
 - B. Ekonomi
 - C. Kemanusiaan
 - D. Perluasan Wilayah
6. Gagasan Malaysia ditentang hebat oleh Indonesia di bawah pimpinan Sukarno kerana _____.
- A. Menganggap ia mengancam keselamatan negara Indonesia
 - B. Menganggap penjajahan bentuk baharu
 - C. Menganggap menghalang pembentukan Indonesia Raya
 - D. Menganggap Tanah Melayu mempunyai kepentingan politik
7. Malayan Union 1946 mempunyai ciri-ciri berikut **kecuali**
- A. Kuasa Raja-raja Melayu dikekalkan
 - B. Diketuai oleh Gabenor Inggeris
 - C. Pengenalan kerakyatan jus soli
 - D. Merangkumi 9 buah negeri termasuk Pulau Pinang dan Melaka

-
8. Berikut adalah merupakan faktor yang mendorong pembentukan Malaysia, **kecuali**
- A. Membela nasib masyarakat di Sabah dan Sarawak
 - B. Memerdekakan wilayah-wilayan dibawah jajahan British
 - C. Ancaman komunis semakin berleluasa
 - D. Menjadikan Tanah Melayu sebagai pusat pentadbiran
9. Setelah Perang Dunia Kedua tamat, British datang ke Tanah Melayu dengan memperkenalkan :
- A. Persekutuan Tanah Melayu
 - B. Sistem Residen
 - C. Malayan Union
 - D. Sistem Malaya
10. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** mengenai konsep Ketertinggian Perlembagaan?
- A. Parlimen memperoleh kuasa daripada Perlembagaan
 - B. Perlembagaan tidak boleh diubah
 - C. YDPA memerintah berdasarkan perlembagaan
 - D. Kuasa perundangan juga tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perlembagaan
11. Parlimen mempunyai tiga komponen, antaranya :
- A. YDPA, Dewan Rakyat dan Dewan Negara
 - B. Badan Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif
 - C. Majlis Raja-raja, Kabinet dan Kementerian
 - D. DEwan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, Dewan Negara

-
12. Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai Perlembagaan Persekutuan
- A. Merupakan undang-undang tertinggi negara
 - B. Boleh dipinda oleh sesiapa sahaja
 - C. Sumber rujukan segala perundangan
 - D. Undang-undang lain mesti selaras dengannya
13. Kebebasan bersyarat yang termaktub melalui perkara kebebasan asasi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia membawa maksud
- A. Kebebasan yang dihadkan oleh undang-undang seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan
 - B. Kebebasan asasi boleh disekat
 - C. Hanya perkara-perkara tertentu yang ada sekatan
 - D. Rakyat dilarang bersuara
14. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada
- A. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara
 - B. Kepentingan Bahasa Melayu
 - C. Bahasa Melayu bahasa orang Melayu
 - D. Orang bukan Melayu boleh menggunakan Bahasa Melayu
15. Sekiranya seseorang ditahan kerana cuba menggunakan isu bahasa, ia boleh dikenakan tindakan di bawah
- A. Akta Keselamatan
 - B. Akta Hasutan 1948
 - C. Akta Jenayah
 - D. Akta Perlembagaan Persekutuan

-
16. Perlembagaan ialah lambang bahu negara Malaysia sebuah negara yang mempunyai ciri-ciri berikut **kecuali**
- A. Malaysia sebuah negara Persekutuan
 - B. Islam sebagai agama rasmi
 - C. Malaysia pernah dijajah
 - D. Mengamalkan sistem demokrasi berparlimen
17. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan
- A. Hak Keistimewaan Orang Melayu dan Bumiputera
 - B. Hak Kebebasan Bersuara
 - C. Kewarganegaraan
 - D. Kedudukan Raja
18. Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan mengenai perkara berikut
- A. Kebebasan Bersuara
 - B. Kebebasan Beragama
 - C. Kebebasan Bergerak
 - D. Kebebasan Ekonomi
19. Setelah Parlimen dibubarkan, siapakah yang bertanggungjawab menentukan tarikh pilihan raya
- A. Yang di-Pertuan Agong
 - B. Perdana Menteri
 - C. Suruhanjaya Pilihan Raya
 - D. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

-
20. Berikut adalah tiga komponen dalam Parlimen, **kecuali**
- A. Dewan Negara
 - B. Dewan Rakyat
 - C. Yang di-Pertuan Agong
 - D. Mahkamah Persekutuan
21. Institusi yang paling tinggi kuasanya dalam sistem pemerintahan Malaysia ialah _____.
- A. Perlembagaan Persekutuan
 - B. Kabinet
 - C. Mahkamah
 - D. Parlimen
22. Antara berikut adalah tujuan doktrin pengasingan kuasa dilaksanakan di Malaysia **kecuali**
- A. Untuk mengelakkan pertindihan kuasa
 - B. Untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa akibat pemusatan kuasa
 - C. Membolehkan setiap badan bertindak tanpa diganggu atau dipengaruhi oleh badan yang lain.
 - D. Untuk memperkuatkan kuasa pemerintah
23. Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya dilantik oleh
- A. YDPA
 - B. Perdana Menteri
 - C. Timbalan Perdana Menteri
 - D. Hakim

-
24. Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut kuasa budi bicaranya sendiri dalam tiga keadaan berikut
- I. Melantik Perdana Menteri
 - II. Memanggil Mesyuarat Majlis Raja-raja
 - III. Membubarkan Parlimen
 - IV. Menggubal Perlembagaan
- A. II dan III
 - B. III dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. II, III dan IV
25. Yang manakah di antara yang berikut **bukan** menjadi anggota Majlis Raja-raja?
- I. Raja Perlis
 - II. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak
 - III. Perdana Menteri
 - IV. Menteri Kabinet
- A. III dan IV
 - B. I dan II
 - C. II dan III
 - D. I dan IV
26. Kementerian bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kepentingan rakyat Malaysia di luar negara
- A. Kementerian Luar Negeri
 - B. Kementerian Dalam Negeri
 - C. Kementerian Kewangan
 - D. Kementerian Perdagangan

-
27. Jentera pentadbiran kerajaan Persekutuan terdiri daripada berikut:
- I. YDPA
 - II. Kabinet
 - III. Kementerian
 - IV. Jabatan
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. Semua di atas
28. Antara berikut yang manakah **bukan** persoalan penting dalam konteks pembinaan negara bangsa?
- A. Nasionalisme
 - B. Etnosentrisme
 - C. Identiti Nasional
 - D. Integrasi Nasional
29. Pilih matlamat utama berintegrasi.
- A. Mewujudkan masyarakat majmuk yang harmoni.
 - B. Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju.
 - C. Membawa kesejahteraan kepada rakyat tanpa mengira kaum.
 - D. Mewujudkan identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah.

-
37. Pilih pernyataan yang **benar** tentang matlamat Rukun Negara.
- A. Melahirkan rakyat yang bersatu, masyarakat yang demokratik, adil, liberal dan progresif.
 - B. Memajukan sektor ekonomi penduduk, terutamanya perindustrian dan perniagaan.
 - C. Mewujudkan negara yang membangun dari segi penggunaan sumber manusia dan sumber alam semula jadi.
 - D. Memperbaiki taraf hidup Bumiputera.
38. Berikut adalah badan yang ditubuhkan bagi memupuk perpaduan etnik di Malaysia, **kecuali**
- A. Majlis Perundingan Negara
 - B. Majlis Muhibbah Negara
 - C. Jabatan Polis Negara
 - D. Jabatan Perpaduan Negara
39. Kedatangan orang India pada peringkat awal ke negara ini dikaitkan dengan
- A. Ladang-ladang getah
 - B. Perniagaan sara diri
 - C. Industri bijih timah
 - D. Padi sawah dan huma
40. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan bagi memperkukuhkan perpaduan di Malaysia
- A. Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara
 - B. Galeri Seni
 - C. Pengenalan Dasar Ekonomi Baru
 - D. Dasar Kebudayaan Kebangsaan

41. Antara pernyataan berikut, yang manakah dikaitkan sebagai masalah-masalah perpaduan negara selepas merdeka?
- I. Pemisahan tempat tinggal
 - II. Pengasingan sistem pendidikan
 - III. Fahaman dan tumpuan politik pendidikan
 - IV. Perbezaan warna kulit
- A. I dan II
 - B. I, II dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. I, II, III dan IV
42. Pendidikan boleh dijadikan asas perpaduan kaum apabila menggunakan
- I. Kurikulum yang sama
 - II. Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar
 - III. Guru yang sama
 - IV. Sistem vernakular
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I, II dan III
43. Sejak dari zaman awal Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara berikut **kecuali**
- A. Amerika
 - B. Jerman
 - C. Perancis
 - D. Israel

44. "Bermatlamat mewujudkan kerjasama antara semua "negara Islam"
Objektif di atas ada kaitannya dengan pertubuhan

- A. NAM
- B. OIC
- C. ASEAN
- D. KOMANWEL

45.

<ul style="list-style-type: none">• Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)• Pertubuhan Negara2 Asia Tenggara (ASEAN)
--

Apakah persamaan objektif bagi kedua-dua pertubuhan di atas?

- I. Mewujudkan kerjasama ekonomi yang bersifat serantau
 - II. Membantu memajukan pendidikan negara membangun
 - III. Menyuarakan pendapat bersama pada peringkat antarabangsa
 - IV. Mengadakan perbincangan dengan negara-negara maju tentang isu-isu perkauman
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

46. Yang manakah matlamat utama ZOPFAN?

- A. Mencampuri hal ehwal dalaman negara yang bergolak
- B. Negara yang terlibat dalam pertikaian adalah tanggungjawab bersama
- C. Menggunakan kekerasan sekiranya terdapat sebarang masalah di Asia Tenggara
- D. Menggelakkan diri daripada terlibat dalam mana-mana pertikaian antara kuasa besar

47. Yang manakah agenda ASEAN?
- I. Menyelesaikan pertikaian secara rundingan
 - II. Menggalakkan campur tangan kuasa-kuasa besar dalam konflik negara
 - III. Meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan politik serantau
 - IV. Mengawal kegiatan cetak rompak dalam kalangan negara-negara ASEAN
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV
48. Salah satu prinsip Malaysia dalam dasar luar Malaysia ialah menyelesaikan masalah menerusi rundingan. Ini bermakna
- I. Malaysia mengamalkan prinsip berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi.
 - II. Mengadakan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara yang sudi bekerjasama dengan Malaysia
 - III. Malaysia memilih pendekatan menyelesaikan masalah dengan negara lain melalui perundingan.
 - IV. Abaikan negara yang tidak mahu bekerjasama
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. Semua di atas

-
49. Berikut merupakan perkara yang sering menimbulkan salah faham antara hubungan Malaysia dan Indonesia **kecuali**
- A. Pekerja asing Indonesia
 - B. Sempadan darat
 - C. Maritim
 - D. Bahasa
50. Pilih pernyataan yang **benar** tentang matlamat utama pengenalan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)
- I. Mewujudkan perpaduan antara kaum
 - II. Menyusun semula masyarakat
 - III. Membasmi kemiskinan
 - IV. Memajukan sektor perindustrian
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. II dan IV
51. Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai Dasar Ekonomi Baru
- A. Diperkenalkan ekoran peristiwa 13 Mei 1969
 - B. Dilancarkan dibawah Rangka Rancangan Jangka Panjang 1971-1990
 - C. Digubal untuk memperbetulkan jurang ekonomi antara kaum
 - D. Menjadi Malaysia sebuah negara perindustrian

-
52. Konsep "karma" merupakan kepercayaan dalam agama
- A. Islam
 - B. Hindu
 - C. Buddha
 - D. Kristian
53. Manakah antara perayaan berikut yang **tidak** dirayakan oleh penganut beragama Hindu?
- A. Deepavali
 - B. Wesak
 - C. Thaipusam
 - D. Pongal
54. Kuih Bakul biasanya dihidangkan oleh masyarakat Cina semasa sambutan _____.
- A. Tahun Baru Cina
 - B. Pesta Tanglung
 - C. Chin Ming
 - D. Chung
55. Berikut merupakan ajaran dalam agama yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan pelbagai etnik dan kaum **kecuali**
- A. Ziarah menziarahi
 - B. Bekerjasama
 - C. Menghormati jiran
 - D. Tidak mengambil tahu hal orang lain

-
56. Manakah antara kenyataan berikut berkaitan dengan kepercayaan orang Cina?
- I. Taoisma
 - II. Confucious
 - III. Penyembahan nenek moyang
 - IV. Yin Yang
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. Semua di atas
57. Setiap kaum di Malaysia perlu mempunyai sikap _____ untuk mengelakkan berlakunya kezaliman sesama manusia.
- A. Kesamarataan
 - B. Kemanusiaan
 - C. Kenegaraan
 - D. Kenegerian
58. Peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan boleh dirujuk kepada _____ Perlembagaan Persekutuan.
- A. Perkara 11
 - B. Perkara 3
 - C. Perkara 153
 - D. Perkara 152

-
59. Wat merupakan rumah ibadat bagi penganut _____.
- A. Hindu
 - B. Islam
 - C. Sikh
 - D. Buddha
60. Keharmonian kehidupan beragama adalah amat penting untuk meningkatkan kualiti hubungan antara etnik. Manakah antara berikut merupakan faktor terpenting untuk meningkatkan keharmonian beragama
- A. Kerjasama
 - B. Toleransi
 - C. Mempertahankan kebebasan beragama
 - D. Mengenalpasti hak beragama masing-masing

SOALAN TAMAT

